

Gagal bentuk skim faedah bersama, syor gabung NSTP-Utusan batal

Tak jadi

Um-19/1/2007

KUALA LUMPUR 18 Jan. - The New Straits Times Press (M) Bhd. (NSTP) dan Utusan Melayu (M) Bhd. (Utusan) hari ini mengumumkan pembatalan cadangan penggabungan kedua-dua syarikat akhbar nasional itu.

Dalam kenyataan berasingan kepada Bursa Malaysia, NSTP dan Utusan berkata, selepas siri perbincangan, kedua-dua pihak gagal mencapai persetujuan untuk membentuk satu skim penggabungan yang akan memberi manfaat kepada kedua-dua syarikat dan para pemegang saham mereka.

"Oleh itu, syarikat ingin mengumumkan bahawa cadangan penggabungan antara NSTP dan Utusan kini digugurkan.

"Sejajar dengan itu, kedua-dua pihak memutuskan untuk menamatkan sebarang perbincangan lagi mengenai cadangan penggabungan berkenaan," kata NSTP dan Utusan di sini, hari ini.

Penggabungan

Pada bulan lalu, NSTP mengumumkan lembaga pengarah kedua-dua syarikat telah memulakan perundingan mengenai kemungkinan mengadakan penggabungan kedua-dua syarikat.

Kedua-dua syarikat pada 1 Disember lalu telah menggantung urusan niaga saham masing-masing di Bursa Malaysia ketika terdapat jangkaan bahawa kedua-dua pihak akan membuat pengumuman cadangan penggabungan.

Kaunter saham NSTP dan Utusan, bagaimanapun telah didagangkan semula pada 4 Disember lalu dengan kedua-dua pihak memeterai perjanjian untuk tidak mendedahkan butiran perbincangan dalam usaha untuk terus berbincang mengenai kemungkinan cadangan penggabungan boleh diadakan.

Nasib cadangan itu, akhirnya diketahui berikutan pengumuman yang dibuat oleh kedua-dua pihak hari ini.

Hari ini, kaunter saham NSTP ditutup pada paras RM2.49, jatuh 1 sen manakala Utusan naik 2 sen untuk ditutup pada paras RM1.47.